



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

14 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Selasa, 20 Syaaban 1441 bersamaan 14 April 2020, Alhamdulillah, dengan izin dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 136 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** yang telah disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah dari Pusat Pengasingan Kebangsaan pada hari ini. Oleh itu, **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal 107 orang.**
3. Manakala, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini **juga kekal seramai 28 kes** di mana 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

4. Pada hari ini juga, seramai **85 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,390 orang**.
5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 183 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 10,350 ujian.
6. Setakat ini, seramai 57 bekas pesakit yang telah dikenalpasti untuk diuji semula bagi virus SARS-CoV-2 iaitu dikalangan mereka yang telah sembuh dan keluar dari Pusat Pengasingan Kebangsaan melebihi tempoh 11 hari. Hasil keputusan ujian pada hari ini menunjukkan seramai **3 orang lagi** bekas pesakit didapati positif. Ini membawa kepada jumlah keseluruhan seramai 11 orang positif semula dan 42 orang kekal negatif. Manakala 4 orang lagi masih menunggu keputusan ujian. Kesemua mereka yang didapati positif semula telah dimasukkan kembali ke Pusat Pengasingan Kebangsaan untuk penyiasatan lanjut. Selain itu, kontek keluarga terdekat mereka juga dikehendaki untuk menjalani ujian makmal dan dikurantin semula selama 14 hari. Setakat ini, Alhamdulillah hasil daripada ujian yang telah dijalankan dikalangan kontek keluarga terdekat mereka adalah semuanya negatif.
7. Alhamdulillah, statistik dan keadaan wabak COVID-19 pada beberapa hari kebelakangan ini menunjukkan keberhasilan usaha-usaha pengawalan yang

telah dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan kepada orang ramai untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan. Walaupun negara kita belum melaksanakan sebarang tegahan pergerakan sepertimana yang dilaksanakan di negara-negara lain namun orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*) dan mematuhi larangan perkumpulan ramai (*mass gathering*) yang ada pada masa sekarang yang mana telah dikeluarkan di bawah Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Sekali lagi orang ramai diingatkan, di dalam membuat kegiatan aktiviti fizikal dan bersukan seperti di stadium atau di tempat rekreasi, mestilah mengamalkan penjarakan fizikal dan menghindarkan daripada berkumpul sama ada sebelum, semasa dan selepas membuat aktiviti fizikal dan bersukan serta segera beredar setelah selesai.

8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 20 Syaaban 1441H / 14 April 2020